

01 NOV 1998

Belia-Usul

BELIA 4B SOKONG PM, KUTUK GERAKAN REFORMASI DAN MEDIA ASING

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Persidangan agung Gerakan Belia 4B Malaysia (Gerakan) hari ini menerima ketetapan tujuh usul, yang antara lain menyokong penuh kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad dalam usaha menangani masalah di negara ini.

Presiden Gerakan Belia 4B Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata pertubuhan itu menyedari bahawa negara kini menghadapi kegawatan ekonomi yang serius dan tindakan mengatasinya secara bersepadu perlu diambil.

Bagaimanapun, katanya usaha itu tidak boleh diganggu-gugat oleh unsur-unsur ketidakstabilan dalam politik negara, termasuklah gerakan reformasi dan demonstrasi berikutan pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari Kabinet pada 2 Sept lepas.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas ucapan penangguhan hari terakhir persidangan tiga hari Gerakan Belia 4B, yang dihadiri 405 perwakilan dari seluruh negara, di sini hari ini.

Antara usul lain yang diterima ialah mengutuk sekeras-kerasnya demonstrasi dan keganasan oleh penyokong gerakan reformasi, membantah sikap dan tindakan campur tangan urusan dalaman Malaysia oleh Presiden Joseph Estrada dari Filipina dan Presiden B. J. Habibie dari Indonesia.

Gerakan Belia 4B mengutuk sekeras-kerasnya media cetak dan elektronik serta majalah asing yang sentiasa membuat liputan negatif terhadap kerajaan dan negara, dan mengekalkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) bagi menjamin keamanan, keselamatan dan kesejahteraan negara.

Mohd Ali berkata Gerakan Belia 4B juga mendesak kerajaan supaya mewajibkan mata pelajaran teknologi maklumat (IT) dalam semua peringkat persekolahan, kerana kemajuan negara akan bergantung kepada kemajuan rakyat dan negara dalam bidang IT.

Beliau berkata Gerakan Belia 4B juga akan menulis surat bantahan kepada Pendaftar Pertubuhan mengenai penggunaan perkataan "Gerakan" oleh mana-mana parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan kerana ia adalah nama singkatan bagi pertubuhan belia itu, yang didaftarkan pada 15 Feb 1967.

Mengenai pembabitan anggota Gerakan Belia 4B dalam perhimpunan haram dan gerakan reformasi, Mohd Ali berkata setakat beliau hanya menerima laporan yang mengesahkan seorang anggotanya dari Selangor terlibat secara aktif dalam kegiatan berkenaan.

"Tindakan sedang diambil dan mesyuarat Exco akan diadakan untuk memecat anggota berkenaan," katanya.

-- BERNAMA

HS RI